

# Universiti diminta tumpu 4 perkara

PEKAN - Empat perkara utama perlu diberi tumpuan oleh universiti dalam usaha menjadikan negara lebih cemerlang dan efektif.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, antara penekanan perlu digariskan adalah pembangunan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (Stem) manakala kedua, membangunkan budaya berinovasi dalam kalangan warga universiti.

Selain itu, katanya, pembangunan keusahawanan dan kebolehan ber-

komunikasi dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Inggeris perlu dikuasai dengan tahap profesional tertinggi.

"Saya percaya apabila semua garis panduan ini diikuti semua universiti termasuk Universiti Malaysia Pahang (UMP), ia beri impak positif untuk terus maju.

"Malah, garis panduan ini langkah ke arah *empowerment* kepada UMP dan kita bersedia memberi sokong," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Kampus Utama UMP dan Majlis Penyerahan Status Autonomi serta Majlis Pertukaran Dokumen Dengan Rakan Industri di Kuala Pahang, semalam.

Pada majlis itu, dana pembangunan usahawan Bumiputera turut diserahkan kepada peserta program Empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Mahkota hasil jaringan kerjasama strategik antara Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan UMP Advanced Education (UAE).

Ia bagi membantu usahawan Bumiputera dalam bentuk barangan perniagaan supaya mereka boleh meneruskan perniagaan mereka.

Najib berkata, kerajaan berhasrat memenuhi beberapa objektif dalam bidang pendidikan kerana ia dapat membuka saluran *out work* mobiliti

yang boleh menyebabkan perubahan ekonomi ketara dan nyata di negara ini.

Dalam perkembangan sama, beliau turut meluluskan peruntukan RM5 juta untuk pembinaan infrastruktur ICT awam kepada UMP.

"Saya setuju pandangan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh bahawa kolaborasi dengan industri dan latihan amali adalah amat penting.

"Kalau kita mahu keluarkan mahasiswa terampil, mereka perlu menjalani latihan amali yang perlu wujudkan rangkaian dengan rakan industri," katanya.

Menurutnya, UMP harus memainkan peranan dengan mengubah keadaan, fizikal, minda dan sikap supaya dapat mengubah lanskap sosio-ekonomi penduduk setempat di Kuala Pahang.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, pihaknya nekad menjadi penyumbang signifikan dalam mencapai hasrat kementerian supaya memberikan perkhidmatan terbaik kepada negara.

Katanya, UMP juga berhasrat untuk memainkan peranan mereka sebagai agen transformasi sosioekonomi masyarakat.

"Kita akan terus memberi komitmen sosial kepada masyarakat di Kuala Pahang dan di sekitar Pekan khususnya menerusi projek kompleks makanan laut dan pusat pemprosesan hasil laut yang dianggarkan bernilai RM7.7 juta," katanya.